

08/01/2003

SPDP diterima anggotai BN

KUALA LUMPUR: Parti Demokratik Maju Sarawak (SPDP), yang ditubuhkan berikutan pembatalan pendaftaran Parti Kebangsaan Sarawak (Snap), semalam, diterima secara rasmi sebagai anggota komponen Barisan Nasional (BN) pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN.

Dengan kemasukan SPDP, parti yang diluluskan pendaftarannya kira-kira dua bulan lalu itu, jumlah keanggotaan komponen BN kembali 15 parti, selepas berkurangan kepada 14 parti ekoran pembatalan pendaftaran Snap, 5 November lalu.

Pengumuman mengenai perkara itu dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan.

Pengerusi BN itu berkata, mesyuarat hari ini bersetuju menerima permohonan parti itu tetapi mereka hanya hadir pada mesyuarat BN akan datang.

"Tidak ada masalah lain antara parti BN, semua parti menerima keputusan ini," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Snap yang ditubuhkan pada 1961 adalah satu daripada empat komponen BN di Sarawak selain Parti Pesaka Bumiputra Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Ia mempunyai empat Ahli Parlimen, termasuk Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr Tiki Lafe dan enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sarawak.

Pada 5 November lalu, Pendaftaran Pertubuhan (ROS) membatalkan pendaftaran parti itu mengikut Seksyen 13 (1)(c)(1x) Akta Pertubuhan 1966 berikutan kegagalan pemimpin yang bertelagah menyelesaikan masalah dalaman parti.

Pemimpin Snap gagal menyelesaikan pertikaian antara pemegang jawatan seperti dikehendaki notis Seksyen 16 (1) Akta Pertubuhan 1966, dan gagal memberi jawapan memuaskan kenapa parti itu kenapa ia tidak patut dibatalkan.

Berikutan itu, sebahagian besar pemimpin Snap diketuai bekas Naib Presidennya, Datuk William Mawan anak Ikom, menubuhkan SPDP dan permohonan pendaftaran SPDP dibuat beberapa jam selepas pendaftaran Snap dibatalkan.

Permohonan itu diluluskan ROS pada 8 November lalu, tiga hari selepas Snap dibatalkan dan terus mengemukakan permohonan menyertai BN Sarawak.

Pada 19 November tahun lalu BN Sarawak sebulat suara menerima kemasukan SPDP bagi menggantikan Snap, namun parti itu masih perlu mengemukakan permohonan pada peringkat BN Pusat.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang ditemui selepas menghadiri mesyuarat berkenaan berkata beliau senang hati melihat SPDP diterima menjadi anggota BN, seperti disyorkan BN Sarawak.

"Saya percaya krisis kepemimpinan Snap tidak menjejaskan kedudukan ahli yang dulunya menjadi ahli Snap kerana saya tahu kebanyakan mereka menerima kehadiran parti baru ini sebagai parti yang akan menyambung perjuangan Snap," katanya.

Mawan yang turut menunggu di luar bilik mesyuarat pula berterima kasih kepada BN Pusat dan negeri kerana meluluskan permohonan parti itu.

Beliau juga yakin majoriti bekas ahli Snap akan menyertai parti baru itu, memandangkan mereka juga merestui penubuhan SPDP.

Perhimpunan agung pertama parti itu katanya, diadakan pada 6 dan 7 Februari ini di Kuching dan semua komponen BN akan dijemput mengahdirinya.